

KERAJAAN MALAYSIA
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL

KENYATAAN TAWARAN

No. Sebutharga	Keterangan	Gred/Kategori/ Pengkhususan	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Sebutharga
MPJL IF/02/2019	Membina Sistem Tebatan Banjir Pekan Bahau, MP Jempol.	<u>Gred G2</u> (Bumiputera) <u>Kategori</u> CE-Pembinaan Kejuruteraan Awam. <u>Pengkhususan</u> CE21-Kerja-kerja Am Kejuruteraan.	RM 50.00	29/05/2019 (Rabu)

Dokumen sebutharga boleh disemak dan diperolehi dari Bahagian Kejuruteraan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol Negeri Sembilan Darul Khusus mulai daripada **23 Mei 2019 (Khamis)**. Dokumen sebutharga tidak dijual sebelum daripada tarikh diatas dan sehari (1 hari) sebelum tarikh tutup sebutharga seperti ternyata.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai atau money order atau bank draf hendaklah atas nama **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Jempol** dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Perbandaran Jempol pada Waktu pejabat. Bayaran Dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Lawatan Tapak akan diadakan pada **22 Mei 2019 (Rabu)** pada jam **10.00 pagi** dan **pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal**. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebutharga ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Perbandaran Jempol** Sebelum 9.00 untuk pendaftaran. **Pendaftaran di tapak adalah tidak dibenarkan.**

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **PETI SEBUTHARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada hari **29 Mei 2019 (Rabu)**.

Pemborong yang tidak menghadiri lawatan tapak, secara automatik tidak akan dikeluarkan borang kepada yang berkenaan. Pemborong dikehendaki membawa "surat-surat pendaftaran asal" berserta salinan-salinannya ketika membeli dokumen sebutharga.


Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggung jawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.

SYARAT-SYARAT MENGHADIRI SEMASA LAWATAN TAPAK

8. Pemborong adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol sahaja.
9. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak.**
10. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil asal PKK dan CIDB semasa lawatan tapak.
11. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum memulakan lawatan tapak.
12. Pemborong adalah daripada kontraktor bumiputera Gred G2 yang **berdaftar dengan Majlis Perbandaran Jempol pada tahun 2019** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
13. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
14. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga tersebut.

Tarikh Pengiklanan

14 Mei 2019



.....
(ROSTAM BIN OMAR)

Jurutera

b.p Yang DiPertua,

Majlis Perbandaran Jempol.